



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1980

DR.43/1980

Naskah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubohan Berita Nasional Malaysia 1967.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubohan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1980 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 20hb Jun 1979.

Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Bahagian I Jadual kepada Akta Pertubohan Berita Nasional Malaysia 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan—

Pindaan bagi Bahagian I kepada Jadual. 19/67.

(a) menggantikan perkataan-perkataan "sa-lama tiga tahun" yang terdapat dalam perenggan 1 dengan perkataan-perkataan "bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun."; dan

(b) menggantikan perkataan-perkataan "Radio Malaysia, Talivishen Malaysia" yang terdapat dalam perenggan 3 dengan perkataan-perkataan "Kementerian Penerangan, Jabatan Penyiaran".

Pindaan
bagi
Bahagian II
kepada
Jadual.

3. Bahagian II Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda dengan—

(a) menggantikan perenggan 1 dengan yang berikut—

“1. Yang di-Pertua dan ahli-ahli Majlis hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.”; dan

(b) menggantikan perkataan-perkataan “dan hendaklah melantek sa-orang setia-usaha” di perenggan 4 dengan perkataan-perkataan “dan selain dari mesyuarat itu hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan hendaklah juga melantik Setiausaha Lembaga sebagai Setiausaha kepada Majlis.”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967.

1. *Fasal 2* bertujuan membolehkan ahli-ahli Lembaga dilantik dan dilantik semula bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun. Fasal ini juga bertujuan menamakan semula jabatan akibat dari percantuman Radio Malaysia dengan Talvisyen Malaysia.

2. *Fasal 3* bertujuan membolehkan ahli-ahli Majlis dilantik dan dilantik semula bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun. Fasal ini juga bertujuan memperuntukan semula Majlis bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan Setiausaha Lembaga dilantik menjadi Setiausaha kepada Majlis.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1083.]